

TERAPI JIWA MENURUT AL GHAZALI: TUMPUAN KEPADA AMALAN DAN KEPENTINGAN TAFAKUR

Engku Ibrahim bin Engku Wok Zin

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Syed Hadzrullatfi bin Syed Omar

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Mohd Safri Bin Ali

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Shaiful Bahari bin Abdullah

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Abstrak: Tafakur adalah satu amalan yang amat penting dalam menyediakan jiwa yang sejahtera dan boleh disifatkan sebagai kunci kepada segala amal salih sama ada amal zahir atau amal batin. Ini adalah kerana sesuatu amalan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna melainkan kebajikannya dapat dilihat terlebih dahulu dengan jelas di dalam hati. Kejelasan kebaikan sesuatu amalan akan terserlah menerusi amalan tafakur yang akan menjadikan hati terang diselubungi nur makrifat. Dari sudut yang lain tafakur memperlihatkan kepentingan ilmu kasbi yang kebiasaannya diperolehi menerusi cara belajar dan membaca. Amalan tafakur tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa kewujudan premis ilmu yang menjadi asas untuk membuahkkan ilmu yang baru. Bertitik tolak dari ilmu ini akan mencetuskan perubahan ahwal hati yang akan membawa kepada peningkatan kuantiti dan kualiti amalan sama ada zahir atau batin yang melayakkan seseorang disifatkan sebagai hamba Allah SWT yang sebenar.

Kata Kunci: *terapi jiwa, al-ghazali, tafakur*

PENDAHULUAN

Manusia adalah makhluk yang terbaik. Kejadiannya dilengkapkan dengan aspek jiwa yang menjadikannya berbeda dengan makhluk lain. Al-Qur'an menjelaskan kebahagiaan dan kesengsaraan seseorang adalah berkait rapat dengan kesejahteraan jiwa. Al-Qur'an memberi penekanan kepada aspek ini sehingga tazkiyat al-nafs diketengahkan sebagai salah satu tugas utama para rasul dan pewaris mereka. Justru makalah ini akan menyentuh perkara ini menerusi perbincangan satu elemen terapi jiwa yang diistilahkan dengan nama tafakur. Perbincangan mengenai tafakur dalam makalah ini adalah berasaskan perspektif al-Ghazali (m.505H) seorang tokoh besar dalam Islam menerusi karya agungnya yang berjudul *Ihya' Ulum al-Din*. Untuk tujuan tersebut makalah ini akan membincangkan hakikat jiwa manusia, ruang perbincangan mengenai tafakur dalam kitab *Ihya'*, hakikat tafakur, kepentingan tafakur dan objek tafakur. selain dari menyentuh pengenalan ringkas tentang al-Ghazali dan karya agungnya *Ihya' Ulum al-Din*.

Struktur manusia adalah terdiri dari dua bahagian asas yaitu bahagian luaran dan dalaman. Bahagian luaran adalah aspek fizikal yang dipanggil jasad. Ia adalah bahagian yang boleh dicerap dengan pancaindra dan menjadi sebahagian ciptaan

Tuhan dalam alam syahadah. Bahagian dalaman pula adalah aspek roh yang menjadi nilai sebenar seseorang manusia. Keberadaan menjadikan pancaindra, akal dan hati mula berfungsi sekali gus melayakkan manusia mendapat tanggung jawab syarak dan pengadilan dari segi dosa dan pahala. Sebarang kekuatan yang ada pada seseorang sama ada berbentuk cerapan pancaindra, kefahaman akal dan penghayatan hati adalah datang dari elemen ini. Tanpa ada bahagian ini pada manusia, semua kekuatan yang ada padanya akan hilang dari fungsi masing-masing dan jasad akan berada dalam keadaan kaku dan akan binasa (al-Qusyayri 2008).

Bahagian ini adalah aspek malakut yang ada pada manusia. Hakikatnya tidak dapat dicapai melalui cerapan pancaindra. Namun keberadaannya dapat diyakini melalui taakulan akal dengan melihat kepada kesan dari keberadaannya dalam jasad. Melihat kepada aspek fungsi, ia didatangkan dalam pelbagai nama antara jiwa, nafsu, roh hati dan akal yang dalam istilah tepatnya ialah *nafs, qalb, ruh dan aql* (al-Qusyayri 2008).

Semua nama-nama ini adalah menjelaskan tentang satu ciptaan dari alam tinggi yang menjadi rahasia Allah SWT. Kewujudannya pada jasad menjadikan seseorang dapat menikmati kehidupan, mengenal dan melaksanakan perintah Allah SWT. Kebahagiaan dan kesengsaraan seseorang manusia

adalah merujuk kepada kebahagiaan dan kesengsaraan bahagian ini. Dalam hal ini, al-Junayd (m. 297H) menegaskan bahwa hakikatnya adalah rahasia Allah SWT yang tidak dibuka kepada mana-mana makhluk sama ada dari kalangan nabi mahupun malaikat (al-Bayjuri 2002). Dalam usaha memberi sedikit gambaran ia turut diberi definisi oleh sesetengah para ulama Islam. Imam Haramayn (m. 478H) mendefinisikannya sebagai satu jisim yang halus, lut sinar dan melekat pada jisim sebagaimana adanya air pada dahan yang masih hijau (al-Bayjuri 2002).

Keberadaan bahagian ini membawa perbezaan antara manusia dengan binatang lain. Keberadaannya dalam jasad menjadikan manusia mempunyai potensi untuk mengenal Allah SWT yang menjadi kemuncak kebahagiaan dunia dan akhirat kerana manusia tidak mungkin dapat mengenali Allah SWT menerusi capaian pancaindra dan anggota jasad. Manusia ada kelayakan untuk menghampirkan diri kepada Allah SWT dan melihat apa sahaja rahasia yang dibuka oleh Allah SWT dengan kewujudan bahagian ini padanya. Perbandingan antara bahagian ini dengan bahagian jasad adalah seumpama raja dan rakyat jelata. Bahagian ini akan diterima oleh Allah SWT apabila bersih dari kecacatan yang berupa sifat-sifat mazmumah dan ingatan kepada selain-Nya. Perintah, larangan,

pujian dan celaan dari Allah SWT kepada manusia adalah ditujukan kepada aspek ini (al-Ghazali 2005).

HASIL DAN PEMBAHASAN

Pengenalan Ringkas Tentang Al-Ghazali dan Kitab ‘Ihya Ulum al-Din

Al-Ghazali atau nama lengkapnya Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi adalah seorang tokoh besar dalam pelbagai ilmu Islam dan satu-satunya tokoh ulama sunni yang diberi penghormatan dengan gelaran hujjat al-Islam. Beliau dilahirkan di Tus pada tahun 450H semasa pemerintahan kerajaan Saljuq dan meninggal di negeri kelahirannya pada 14 Jumadil Akhir 505 H ketika berumur 55 tahun.

Beliau adalah seorang tokoh rujukan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam seperti fiqah, usul, kalam, falsafah, mantiq dan tasawuf. Dalam ilmu fiqh dan usul, beliau dinobatkan sebagai imam fuqaha’ pada zamannya, diletakkan dalam kedudukan ashab al-shafie sebaris dengan gurunya Imam Haramayn al-Juwaini dan mendapat gelaran Imam Syafie kedua (al-Subki t.th). Dalam bidang falsafah, beliau telah berjaya mengumpul dan menyusun semula falsafah Yunani dalam bentuk yang lebih sistematik dan teratur melalui Maqasid al-Falasifah dan menilai semula kebenaran dan keselariannya

dengan akidah Islamnya secara kritikal dan berkesan dalam karyanya yang berjudul *Tahafut al-Falasifah*. Justru itu beliau dianggap sebagai tokoh agamawan pertama yang melakukan analisis secara mendalam yang dapat memperlihatkan aspek-aspek kepincangan dan keselarian falsafah Yunani dengan akidah Islam (cAbd al-Fattah t.th). Dalam ilmu kalam beliau adalah salah seorang daripada tiga tokoh yang menjadi tunggak utama dalam meletak asas pemikiran sunni Asyairah selain dari al-Baqqalani dan Imam Haramayn al Juwaini selepas Abu Hasan al-Asycari (al-Bahi 1966). Dalam bidang tasawuf pula, semua tokoh besar tasawuf mengiktiraf kedudukan sebagai sorang tokoh ulung dalam bidang ini sehingga sebilangan ahli tasawuf antaranya al-Mursi menilainya sebagai seorang tokoh yang berada pada maqam siddiqiyyat al-kubra secara terang-terangan (al-Sakandari 2004).

Beliau mendapat pujian dan pengiktirafan yang amat tinggi dari ilmuan Islam. Sebagai contoh, gurunya sendiri yaitu Imam Haramain menyifatkan beliau sebagai lautan ilmu yang amat dalam. al-Subki (t.th) menyifatkan beliau sebagai seorang tokoh yang menguasai pelbagai jenis ilmu dan mempunyai kepakaran yang tinggi dalam ilmu akal dan naqal. Pujian dan pengiktirafan ilmuwan Islam dirumuskan oleh Mustafa Maraghi dengan berkata:

“apabila disebut nama seseorang tokoh, pikiran kita akan terfokus kepada bidang-bidang tertentu... namun apabila disebut nama al-Ghazali, pikiran kita akan terarah kepada pelbagai bidang. Bukan hanya satu sahsiah yang akan terlintas dalam benak kita, malah yang terlintas adalah beberapa sahsiah yang masing-masing mempunyai tempat dan kedudukan tersendiri. Terlintas dalam hati al-Ghazali seorang pakar dalam ilmu usul, seorang ahli fiqh yang sebenar, seorang pakar dalam ilmu kalam, seorang imam dan penjaga akidah ahl al-Sunnah, seorang pakar sosiologi, seorang pakar tasawuf, seorang tokoh falsafah.. akan terlintas di hati, dia adalah seorang tokoh yang menjadi paksi kepelbagaian ilmu pengetahuan pada zamannya ... “ (al-Syami 1993).

Sebagai seorang tokoh besar, al-Ghazali telah meninggalkan hasil karya yang amat bermanfaat dalam kuantiti agak besar yang menyentuh pelbagai disiplin ilmu Islam. Ketokohan dan kemasyhuran beliau menjadikan bilangan sebenar karya tulisannya agak sukar ditentukan dengan tepat kerana ada usaha dari golongan tertentu atas tujuan-tujuan tertentu memasukkan karya-karya asing ke dalam jumlah karya al-Ghazali (Muhammad Jamal Imam 2014).

Sejumlah besar karya al-Ghazali telah direkodkan seawal kurun keenam hijrah oleh tokoh-tokoh ulama yang sempat hidup

sezaman dengan al-Ghazali seperti cAbd al-Ghafir al-Farisi (m. 526H) Abu Bakr Ibn cArabi (m. 543H). Ia turut direkodkan oleh tokoh-tokoh ulama selepas kurun tersebut seperti al-Subki (m. 771H), Tash Kubra Zadah (m. 968H), al-Murtadha al-Zubaydi (m. 1205H) dan sebagainya.

Kajian yang menyentuh karya-karya al-Ghazali turut menarik minat orientalis barat. Ia dimulakan pada tahun 1858 M oleh Richard Gosche (m. 1889M) seorang pengkaji berbangsa Jerman. Beliau mengkaji 42 buah karya yang dikaitkan dengan al-Ghazali untuk melihat sejauh mana kesahihan kaitannya dengan al-Ghazali. Kemudian kajian dalam skop yang sama turut dilakukan oleh Duncan Black MacDonald (m.1943M) seorang orientalis Amerika, Ignaz Goldziher (m.1921M) seorang orientalis Hungry, Louis Massignon (m.1962M) orientalis Francis, William Montgomery Watt orientalis dari Britain, Maurice Bouyges (m. 1951M) seorang orientalis Prancis dan lain-lain lagi.

Kajian terhadap karya-karya al-Ghazali yang lebih lengkap dan menyeluruh telah dilakukan oleh cAbd al-Rahman al-Badawi (m. 2002M) seorang sarjana dalam bidang Falsafah, Mantiq dan Tasawwuf yang pada penghujung kariernya memegang jawatan profesor Falsafah di Fakulti Sastera Universiti Kuwait. Kajian ini telah diterbitkan dalam bentuk sebuah buku yang

diberi judul “Karya-Karya al-Ghazali” pada tahun 1960.

Kajian ini telah menyentuh sebanyak 457 buah karya yang dikaitkan dengan al-Ghazali. Menerusi kajian ini, al-Badawi (1960) telah mengklasifikasikan karya-karya tersebut kepada 7 kelompok yang disusun secara berurutan mengikut bilangan satu hingga 457 yaitu 1) 1-23 (23) buah karya yang benar-benar karya al-Ghazali, 2) 21 buah yang tidak dapat dipastikan karya al-Ghazali, 3) 32 buah karya yang besar kemungkinan adalah karya al-Ghazali, 4) 97 buah karya sama tapi diberi judul yang berbeza, 5) 48 buah karya yang dapat dipastikan bukan karya al-Ghazali, 6) 7 buah karya yang tidak diketahui identiti dan 7) 46 buah manuskrip tulisan tangan yang dikaitkan dengan al-Ghazali.

Ihya' Ulum al-Din merupakan sebuah karya agung al-Ghazali yang paling mendapat tempat dalam masyarakat hingga sekarang dalam dunia Islam. Menurut Ibn Taymiyyah (1991), ia adalah kitab al-Ghazali yang paling hebat. Ibn Khullakan (1978) pula dengan jelas menyatakan bahwa ia adalah sebuah karya yang paling bernilai dan paling lengkap dalam bidangnya. Kandungannya menyentuh ketiga-tiga rukun agama secara bersepadu dengan lengkap dan sistematik menerusi ilmu tasawwuf yang disusun dalam empat bahagian yaitu bahagian, bahagian cadat, bahagian

muhlikat dan bahagian munjiyat. Setiap bahagian ini pula dipecahkan kepada 10 kitab yang menjadikan semuanya 40 kitab. Setiap kitab dipenuhi perbincangan yang lengkap dalam tajuknya, sekira-kira boleh dipisahkan menjadi sebuah kitab yang berasingan. Karya ini dimulakan dengan kitab yang membicarakan tentang ilmu dan di akhir dengan kitab yang membicarakan tentang kematian (al-Syami 1993).

Kandungan Ihya' yang menyentuh ketiga-tiga rukun agama dengan lengkap dan bersepadu menjadikannya sebuah ensiklopedia agung agama yang dapat membentuk seorang hamba Allah SWT dengan erti kata yang sebenar. Menurut al-Subki (1964), sekiranya tiada lagi kita-kitab yang lain, panduan dari Ihya' sahaja sudah cukup untuk menjadi hamba Allah SWT yang sebenar. Beliau menjelaskan bahwa keistimewaan Ihya tidak mampu ditandingi oleh mana-mana karya yang disusun sebelumnya.

Realiti ini turut diakui oleh Abd al-Ghafir al-Farisi rekan al-Ghazali yang sama-sama berguru dengan Imam al-Haramayn di Naysabur. Beliau menjelaskan bahwa Ihya' adalah karya al-Ghazali paling masyhur yang tidak ada tandingan dari mana-mana karya yang lain (al-Aydarus t.th).

Ia disifatkan oleh al-Nadawi (2007) sebagai sebuah karya yang bukan sahaja sarat dengan ilmu pengetahuan malah

pengarangnya seakan-akan berusaha untuk menjadikannya satu ensiklopedia agama seperti seorang guru mursyid atau seorang murabbi yang sudah memadai bagi seseorang murid dalam memperoleh ilmu dan latihan untuk menjadi hamba Allah SWT yang sebenar. Untuk memenuhi matlamat ini, al-Ghazali menjadikan kandungannya terdiri dari ilmu akidah, ilmu fiqh dan ilmu tazkiah secara bersepadu sebagai usaha untuk mencapai maqam ihsan.

Kesyumulan kandungan ihya' dalam susunan yang amat baik dan gaya penyampaian yang amat berkesan membuatkan al-Hafiz 'Iraqi (m,806H) membuat kesimpulan bahwa Ihya' adalah sebuah karya paling agung dalam Islam untuk tujuan mengetahui apa yang halal dan haram yang menggabungkan antara kedua-dua ilmu, yaitu ilmu zahir dan ilmu batin (al-Syami 1993). Sewajarnya mutiara Ihya' perlu digali sebagai rujukan dan dipersembahkan semula dalam masyarakat untuk dimanfaatkan lebih-lebih lagi dalam melaksanakan terapi jiwa dengan lebih berkesan.

Perbincangan tafakur dalam kitab Ihya' Ulum al-Din

Tafakur dibahaskan oleh al-Ghazali (2005) dengan mendalam melalui Ihya' Ulum al-Din dalam kitab ke sembilan yang

diberi judul kitab al-tafakur. Ia terletak dalam bahagian al-munjiyyat. Bahagian ini terdiri daripada 10 buah kitab yaitu 1) kitab al-tawbah, 2) kitab al-sabr wa al-syukr, 3) kitab al-khawf wa al-raja', 4) kitab al-faqr wa al-zuhd, 5) kitab al-tawhid wa al-tawakkal, 6) kitab al-mahabbah wa al-syawq wa al-uns wa al-rida, 7) kitab al-niyyah wa al-ikhlas wa al-sidq, 8) kitab al-muraqabah wa al-muhasabah, 9) kitab tafakur dan 10) kitab dhikr al-mawt.

Munjiyyat adalah bahagian terakhir dalam susunan 4 bahagian Ihya' cUlum al-Din yang terdiri daripada bahagian ibadat, bahagian cadat, bahagian muhlikat dan bahagian munjiyyat. Menurut al-Ghazali (2005) dua kategori ilmu yang boleh membawa seseorang kepada kebahagiaan akhirat adalah merujuk kepada ilmu muamalah dan ilmu mukasyafah. Kedudukan ilmu mukasyafah adalah lebih tinggi dari ilmu muamalah. Ilmu muamalah diketengahkan oleh al-Ghazali (2005) hanya menjadi jalan untuk mencapai ilmu mukasyafah yang menjadi destinasi sebenar penuntut hakikat dan tempat pandangan golongan siddiqin, Sekalipun begitu, ia tidak sepatutnya dijelaskan melalui medium penulisan dan dibuka kepada masyarakat biasa kerana pada pandangan al-Ghazali (2005), ia tidak mampu difahami oleh mereka. Pengetahuan yang lengkap tentang kedua-dua ilmu ini

akan memungkinkan seseorang dapat mengetahui larangan dan suruhan Allah SWT dengan betul dan dapat menunaikan perintah Allah SWT dengan tepat zahir dan batin sebagaimana yang diperintahkan.

Menurut al-Ghazali (2005) ilmu mucamat secara umumnya terdiri dari dua kategori yaitu ilmu zahir dan ilmu batin. Ilmu zahir adalah tertumpu pada amalan anggota badan dan ilmu batin pula adalah tertumpu pada amalan hati. Ilmu zahir dimuatkan dalam dua bahagian Ihya' yaitu bahagian Ibadat dan bahagian adat. Manakala ilmu batin pula dimuatkan dalam dua bahagian berikutnya yaitu bahagian muhlikat dan bahagian munjiyyat. Dalam bahasa mudah muhlikat boleh diertikan dengan sifat atau amalan hati yang boleh membinasakan seseorang manakala munjiyyat pula adalah sifat atau amalan hati yang boleh menyelamatkan seseorang di akhirat. Kemuncak kebinasaan adalah kekal dalam neraka dan kemuncak keselamatan adalah dapat mendiami surga dan diberi peluang memandang kepada wajah Allah SWT.

Melalui karya ini, perbincangan tentang tafakur telah dipersembahkan dengan lengkap dan menyeluruh menerusi perbincangan yang tuntas tentang kelebihan, definisi, hasil, objek tafakur dan cara bertafakur. Huraian yang jelas pada lima perkara ini telah memungkinkan pembaca

dapat memahami, menghayati seterusnya mengamalkan tafakur dengan baik.

Hakikat tafakur menurut al-Ghazali

Tafakur adalah berasal dari perkataan Arab. Dari segi bahasa ia boleh diertikan dengan tadabur, ictibar dan ittica yang menjadi kerja akal pikiran (Jiran Mascud 1992). Jika dibawa ke dalam bahasa Melayu ia boleh diertikan dengan memerhati, mengambil iktibar dan mengambil peringatan (al-Marbawi 1990). Al-Ghazali (2005) tidak memerikan makna perkataan ini dari sudut bahasa tetapi beliau menda-tangkan definisi yang lengkap menurut istilah sahaja selain membanding beza dengan perkataan-perkataan lain yang turut membawa makna fikir.

Dari segi istilah, al-Ghazali (2005) menjelaskan bahwa tafakur adalah kerja akal dan bukan kerja indera mata sekalipun ada waktu tertentu ia didatangkan melalui perkataan nazar dan ta'mmul. Ia didefinisikan sebagai usaha menghadirkan dua premis keyakinan dalam susunan tertentu di dalam hati untuk tujuan melahirkan premis keyakinan yang ketiga. Kehadiran dua keyakinan tersebut dalam susunan tertentu akan mencetuskan keyakinan ketiga setelah akal digerakkan dengan cara yang betul. Penjelasannya, seseorang yang berhasrat meyakini bahwa akhirat lebih utama untuk

didahulukan daripada dunia perlu meng-hadirkan dalam hatinya dua keyakinan berkaitan. Keyakinan pertama ialah sesuatu yang kekal lebih utama didahulukan dari sesuatu yang binasa. Kemudian dihadirkan pula keyakinan kedua bahwa akhirat akan kekal dan dunia pasti akan binasa. Tumpuan akal kepada dua keyakinan ini pasti akan melahirkan keyakinan ketiga yang menjelaskan bahwa akhirat lebih utama didahulukan daripada dunia. Jika keyakinan ketiga tersebut diperolehi tanpa melalui proses ini ia tidak dinamakan makrifat tetapi hanya dinamakan taqlid.

Huraian ini memperlihatkan tafakur yang diketengahkan al-Ghazali adalah menepati mafhum nazar yang diketengahkan oleh mutakallimin khususnya golongan muta'akhhirin seperti al-Razi (m. 606H), al-Amidi (m.631H), al-'Iji (m. 756H) dan seumpamanya sekalipun ada perbezaan dari segi matlamat antara nazar mutakallimin dan tafakur al-Ghazali. Nazar mutakallimin lebih bermatlamatkan mencapai makrifat Allah di peringkat akal manakala matlamat tafakur lebih luas daripada itu. Dalam hal ini, al-Baqallani (m. 403M), tokoh besar dalam aliran Asyacirah yang paling awal mengemukakan definisi nazar telah mendefinisikannya sebagai fikir yang ada matlamat tertentu dan matlamatnya ialah untuk memperolehi kesimpulan yang bersifat yakin atau sangkaan yang kuat (al-'Iji 1998).

Definisi lebih lengkap telah dikemukakan oleh golongan muta'akhirin yang disimpulkan oleh al-Bayjuri (2010) sebagai satu usaha menyusun dua premis akal bersifat yakin atau zan kuat untuk sampai kepada keyakinan atau zan kuat yang masih majhul.

Menurut al-Ghazali (2005), terdapat 6 istilah yang dipadankan bagi proses menghadirkan dua premis keyakinan dalam hati untuk sampai kepada keyakinan ketiga yaitu 1) tafakur, 2) iktibar, 3) tadhakkur, 4) nazar, 5) ta'ammul dan 6) tadabbur. Tadabbur, ta'ammul dan tafakur adalah tiga istilah seerti yang maknanya adalah sama sepenuhnya. Manakala Istilah tadhakkur, ictibar dan nazar pula mempunyai sedikit perbezaan dari sudut penambahan makna sekalipun ia digunakan pada dasar makna yang sama seperti penambahan makna antara perkataan sarim, muhannad dan sayf. Sekalipun ketiga-tiga perkataan ini digunakan untuk pedang namun ia berbeza dari segi sifat pedang tersebut. Al-Ghazali (2005) membezakan antara makna tafakur dan tadhakkur dari sudut matlamat. Matlamat tafakur untuk menghasilkan keyakinan baru manakala tadhakkur pula adalah untuk memantapkan keyakinan yang telah sedia ada.

Dari sini dapat disimpulkan bahwa tafakur menurut al-Ghazali (2005) adalah fikir yang ada matlamat. Matlamatnya adalah untuk menghasilkan keyakinan yang

baru. Adalah menjadi sunnatullah premis keyakinan baru akan terhasil apabila berkumpul dua premis keyakinan jika diletakkan dalam susunan yang betul. Ia akan menambah premis keyakinan baru yang lain jika disusun pula dengan premis keyakinan lain yang telah sedia wujud. Dari sini akan berlaku percambahan premis keyakinan yang tidak ada penghujung. Ia tidak terhenti terhenti melainkan dengan sebab kematian atau ada sesuatu yang menghalang.

Sekalipun begitu, menurut al-Ghazali (2005) bukan semua orang mampu melakukan percambahan premis keyakinan melalui tafakur. Hal ini disebabkan oleh dua faktor utama yaitu ketiadaan premis keyakinan sedia ada yang berupa ilmu untuk dijadikan asas tafakur atau tidak memiliki kemahiran untuk menyusun premis-premis ilmu tersebut. Kemahiran ini menurut al-Ghazali (2005) diperolehi melalui dua cara yaitu sama ada secara fitrah sebagaimana yang diperolehi oleh para nabi dan para rasul atau secara belajar dan berlatih di bawah pimpinan guru yang berpengalaman.

Kepentingan tafakur menurut al-Ghazali

Al-Ghazali (2005) mengetengahkan perbincangan tentang tafakur pada bahagian munjiyat. Ini memberi isyarat bahwa tafakur

adalah salah satu sifat terpuji yang menjadi sifat golongan siddiqin dan maqarrabin. Ia adalah sifat-sifat yang boleh menyampaikan seseorang kepada Allah SWT. Ini adalah kerana bahagian ini hanya dikhususkan untuk membicarakan sifat-sifat tersebut sebagaimana yang dijelaskan sendiri oleh al-Ghazali pada permulaan 'ihya. Beliau berkata,

Adapun bahagian munjiyat, maka padanya, aku akan sebut setiap satu dari akhlak terpuji dan sifat baik yang menjadi ciri pengenalan golongan muqarrabin dan siddiqin yang dengan sifat-sifat ini seseorang hamba dapat menghampirkan diri kepada Allah SWT. Aku akan jelaskan definisi, hakikat, sebab kenapa ia perlu diusahakan, hasil yang boleh diambil ... (al-Ghazali 2005).

Dalam al-Qur'an, Allah SWT menjelaskan bahwa tafakur adalah sifat golongan ulu al-albab. Sekurang-kurangnya terdapat 15 ayat melalui 11 buah surah yang mengaitkan tafakur dengan golongan ini seperti dalam surah al-Baqarah (2) : 179 dan 269, surah Ali cImran (3) : 7 dan 190, surah al-Ma'idah (5) : 100, surah Yusuf (12) : 111, surah al-Racd (13) : 19, surah Ibrahim (14): 52, surah Sad (38) : 39 dan 43, surah al-Zumar (39) : 9 dan 18, surah Ghafir (40) : 54 dan surah al-Talaq (65) : 10.

Menurut al-Ghazali (2005) tafakur akan membuahkan ilmu yang berupa keyakinan.

Ilmu yang kukuh bertapak dalam hati akan memberi kesan dari segi perubahan keadaan hati. Perubahan keadaan hati akan mengubah amalan zahir dari buruk kepada baik atau dari baik kepada yang lebih baik. Ini adalah kerana amalan seseorang adalah bergantung dengan keadaan hatinya dan keadaan hati pula adalah bergantung kepada keyakinan yang ada padanya. Kunci kepada keyakinan ialah tafakur. Dari sini al-Ghazali (2005) menyimpulkan bahwa tafakur adalah ibu atau kunci kepada segala kebaikan.

Menurut al-Ghazali (2005) seseorang akan melalui lima peringkat untuk sampai kepada perubahan amal. Peringkat pertama merujuk kepada usaha menghadirkan dua premis keyakinan di dalam hati dengan cara mengulang-ulang ingatan kepada keyakinan tersebut. Peringkat kedua ialah mencari keyakinan ketiga dari susunan dua premis keyakinan yang telah hadir. Peringkat ketiga pula ialah proses pencerahan hati dari kehadiran keyakinan yang ketiga. Peringkat keempat ialah berlaku perubahan keadaan hati sebagai kesan kewujudan nur makrifat dan kelima perubahan amal zahir mengikut perubahan ahwal yang berlaku dalam hati.

Majari al-fikr menurut al Ghazali.

Majari adalah lafaz jamac dari lafaz majra yang bermaksud tempat bergerak (Jiran Mascud 1992). Ia menjadi tempat

yang menjadi paksi pergerakan akal untuk mencapai keyakinan ketiga dalam proses tafakur. Dengan bahasa yang mudah majra al-fikr boleh diertikan dengan objek yang menjadi tumpuan akal ketika tafakur.

Menurut al-Ghazali (2005) tafakur yang dimaksudkan di sini adalah pergerakan pikiran dalam perkara agama dengan difokuskan pada ruang interaksi hamba dengan Allah SWT. Ia diumpamakan tafakur seorang kekasih kepada kekasihnya. Dalam konteks ini, pikiran hanya ditumpukan kepada dua perkara sahaja sama ada kepada kekasih dan kepada diri sendiri. Tumpuan pikiran kepada kekasih adalah kepada dua perkara yaitu tumpuan pikiran pada dhat dan sifat kekasih yang bertujuan untuk mengecapi kelazatan dari kecantikannya atau pada perbuatan yang lahir dari kekasih yang bertujuan untuk mengenali akhlak dan hati budinya. Manakala tumpuan pikiran kepada diri sendiri adalah untuk mencari sifat-sifat kesukaan kekasihnya untuk diperkasakan dan sifat-sifat yang menjadi sebab kebencian kekasihnya untuk ditinggalkan.

Bertitik tolak dari sini, al-Ghazali (2005) membahagikan tafakur dalam skop interaksi dengan Allah SWT kepada empat bentuk yaitu 1) tafakur pada dhat dan sifat Allah SWT, 2) tafakur pada perbuatan Allah SWT, 3) tafakur pada perkara-perkara yang menjadi asbab kebencian Allah SWT dan 4)

tafakur pada perkara-perkara yang menjadi asbab kecintaan Allah SWT.

Tafakur dalam bentuk pertama adalah tertumpu kepada Allah SWT. Ia adalah tafakur yang dilarang oleh syarak kerana akal manusia tidak ada kemampuan untuk menanggungnya. Akal manusia akan kaku bila fikirannya ditumpukan kepada dhat dan sifat Allah SWT. Justeru ia diketengahkan sebagai bentuk tafakur yang terlarang. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda yang bermaksud berfikirilah pada nikmat-nikmat yang dianugerahkan Allah SWT dan jangan sekali-kali berfikir tentang dhat Allah SWT (al-Albani 1995).

Tafakur dalam bentuk kedua pula adalah tertumpu kepada makhluk Allah SWT. Manakala tafakur dalam bentuk ketiga dan keempat pula adalah kepada diri sendiri. Kerangka tafakur yang diketengahkan oleh al-Ghazali ini telah disimpulkan oleh Imam Al-Haddad (1994) kepada 7 majra al-fikr dengan mengambil kira tujuh matlamat yang mahu dicapai dari amalan tafakur yaitu untuk 1) menambah macrifatullah, 2) menambah rasa cinta kepada Allah SWT, 3) menambah rasa malu kepada Allah SWT, 4) menambah rasa takut kepada Allah SWT, 4) melahirkan rasa zuhud terhadap dunia dan sukakan akhirat, 5) mengerat cita-cita bersifat duniawi, 6) perbaiki amal dan persiapkan bekalan untuk akhirat dan 7) memperkasakan cinta kepada orang salih

dan meneruti jejak langkah mereka serta benci kepada maksiat dan tidak mencontohi ahli-ahlinya.

Matlamat pertama dapat dihasilkan dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada keunikan kejadian makhluk Allah SWT. Matlamat kedua dapat dihasilkan dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Matlamat ketiga dapat diperolehi dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada keluasan ilmu Allah SWT. Matlamat keempat boleh diperolehi melalui tafakur dengan menumpukan pikiran kepada ketidak sempurnan ibadat yang dilakukan. Matlamat kelima dapat boleh diperolehi dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada kehidupan dunia yang bersifat sementara dan tidak kekal. Matlamat keenam dapat diperolehi dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada kematian yang pasti akan tiba dan matlamat ketujuh pula dapat dihasilkan dari tafakur dengan menumpukan pikiran pada sifat-sifat atau amalan orang salih dan anugerah yang Allah SWT kurunnikan kepada mereka (al-Haddad 1994).

SIMPULAN

Tafakur adalah satu amalan yang amat penting dalam menyediakan jiwa yang sejahtera dan boleh disifatkan sebagai kunci kepada segala amal salih sama ada amal

zahir atau amal batin. Ini adalah kerana sesuatu amalan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna melainkan kebajikannya dapat dilihat terlebih dahulu dengan jelas di dalam hati. Kejelasan kebaikan sesuatu amalan akan terserlah menerusi amalan tafakur yang akan menjadikan hati terang diselubungi nur macrifat. Dari sudut yang lain tafakur memperlihatkan kepentingan ilmu kasbi yang kebiasaannya diperolehi menerusi cara belajar dan membaca. Amalan tafakur tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa kewujudan premis ilmu yang menjadi asas untuk membuahkan ilmu yang baru. Bertitik tolak dari ilmu ini akan mencetuskan perubahan ahwal hati yang akan membawa kepada peningkatan kuantiti dan kualiti amalan sama ada zahir atau batin yang melayakkan seseorang disifatkan sebagai hamba Allah SWT yang sebenar..

DAFTAR RUJUKAN

- Albani, Muhammad Nasir al-Din al-. 1995. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Beirut: Maktabah al-Macarif.
- 'Iji, Adud al-Din Abd al-Rahman al. 1998. *Sharh al-Mawaqif. Mahmud Umar al-Dumyati (tas)*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Bahi. Muhammad Dr. al. 1966. *al-Janib Ilahi min Tafkir al-Islami*. cet. 4. Kaherah: TP.
- Bayjuri. 2002. *Tuhfat al-Murid Ala Jawharat al-Tawhid*. Ali Jumcah (tah). Kaherah: Dar al-Salam.
- cAbd al-Fattah Muhammad Sayyid Ahmad. t.th. *al-Tasawwuf Bayn al-Ghazali wa Ibn Taymiyyah*. Beirut: Dar al-Wafa'.
- Haddad, Imam Abd Allah bin Alawi al. 1994. *Risalah al-Mucawanah wa al-Muzaharah wa al-Mu'azarah*. Yaman: Dar al-Hawi.
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-. 2005. *Ihya' Ulum al-Din*. Zayn al-Din al-Iraqi (takh) Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Ata' Allah al-Sakandari. 2004. *Lata'if al-Minan Fi Manaqib Abi al-Abbas al-Mursi*. cet. 3. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Khullakan . 1978. *Wafiyat al-Acyan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Dr. Ihsan Abbas (tah). Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Taymiyyah. 1991. *al-Istiqamah*. Dr, Muhammad Rasyad Salim (tah). Madinah: Wizarat al-Taclim al-cAli.
- Jiran Mascud. 1992. *Al-Ra'id Mucjam Lughawi Asri*. Beirut: Dar al-cIlm al-Malayin
- Muhammad Jamal Imam. 2014. *Manazil al-Huda Mukhtarat min Turath Hujjat al-Islam Abi Hamid al-Ghazali*. Juz 1. TP: TTP.
- Nadawi, Abi Hasan Ali al-.2007. *Rijal al-Fikr wa al-Dacwah Fi al-Islam*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Qusyayri, Abu al-Qasim Abd al-Karim bin Hawzan. 2008. *Al-Risalah al-Qusyayriyyah*. Dr. Abd al-Halim Mahmud (tah). Maktabah al-Waqfiyyah: Kaherah.
- Subki, Taj al-Din Abu Nasr Abd al-Wahhab al-. 1964. *Tabaqat al-Syaficiyyat al-Kubra*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah: Kaherah.
- Syami, Salih Ahmad al. 1993. *Imam al-Ghazali Hujjat al-Islam wa Mujaddid al-Mi'ah al-Khamisah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Multimedia Interaktif Tematik* Tesis tidak Diterbitkan. Malang: PPs UM.

